



**PUSAT HEMODIALISIS ZAKAT  
ZAKAT PULAU PINANG  
MAJLIS AGAMA ISLAM NEGERI PULAU PINANG**

**NOTIS JAWATAN KOSONG**

**ZAKAT PULAU PINANG, MAINPP** merupakan sebuah organisasi yang menguruskan kutipan dan agihan zakat di negeri Pulau Pinang. Kami mempelawa calon-calon yang berkelayakan untuk memohon jawatan di Pusat Hemodialisis Zakat (PHZ). PHZ merupakan salah satu Program Agihan Asnaf yang diwujudkan di bawah peruntukan agihan asnaf fisabilillah.

Sebagai makluman, Zakat Pulau Pinang, MAINPP di bawah program agihan zakat mempunyai lapan buah Pusat Hemodialisis Zakat yang beroperasi seluruh negeri Pulau Pinang bagi memberi kemudahan perubatan mencuci buah pinggang kepada masyarakat Islam negeri Pulau Pinang.

Bagi memastikan hasrat dan tanggungjawab ini tercapai, kami memerlukan calon-calon bagi mengisi kekosongan di seluruh cawangan di negeri Pulau Pinang yang berkelayakan dan bermotivasi tinggi serta berminat untuk membina kerjaya dengan kami.

**JAWATAN**

**JURURAWAT**

**STATUS JAWATAN**

Jawatan adalah secara **KONTRAK** sebelum diserapkan ke jawatan tetap berdasarkan penilaian prestasi calon.

## **SYARAT-SYARAT KELAYAKAN**

- 1.1 Memiliki Diploma dalam bidang **Kejururawatan** atau lain-lain kelayakan berkaitan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan;
- 1.2 Mempunyai sijil perakuan pendaftaran penuh dari Lembaga Jururawat Malaysia;
- 1.3 Memiliki sijil amalan tahunan semasa / Retention of Name (tahun semasa);
- 1.4 Keutamaan diberi kepada calon-calon yang berpengalaman sekurang-kurangnya 2 tahun dalam bidang Kejururawatan dan dalam hal-hal berkaitan.
- 1.5 Adalah menjadi kelebihan kepada calon yang memiliki Sijil Post Basic.
- 1.6 Calon yang baru menamatkan pengajian juga digalakkan memohon.
- 1.7 Antara tugas bagi jawatan ini adalah seperti berikut:
  - i. Mengendalikan mesin Reverse Osmosis (RO) dan mesin hemodialisis
  - ii. Menentukan semua peralatan dan ubat-ubatan mencukupi dan terkawal.
  - iii. Memberikan rawatan dialisis kepada pesakit
  - iv. Menentukan keadaan pesakit semasa perawatan sedang dijalankan
  - v. Menentukaan suntikan ubat-ubatan kepada pesakit mengikut jadual yang telah ditetapkan.
  - vi. Membantu Pegawai Perubatan semasa lawatan pemeriksaan pesakit dan mengikut arahan yang telah diberikan.
  - vii. Membantu perkhidmatan klinik bergerak
  - viii. Mengambil sampel darah pesakit untuk ujian makmal mengikut jadual yang telah ditetapkan.

## **SYARAT-SYARAT AM KELAYAKAN**

1. Warganegara Malaysia dan berumur tidak kurang 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;
2. Calon-calon mestilah lulus sijil SPM / SPMV atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan;

## CARA MEMOHON

1. Calon yang berminat dan memenuhi semua syarat-syarat, sila kemukakan:
  - i. Borang Permohonan Kerja yang boleh dimuat turun di laman web <http://www.zakatpenang.com> atau boleh diambil di ibu pejabat Zakat di Pulau Pinang.
  - ii. Mengemukakan Borang Permohonan Kerja dengan resume dengan Curriculum Vitae terbaru (CV) yang mengandungi butir-butir peribadi, kelayakan akademik (sertakan salinan sijil yang berkaitan), pengalaman kerja dan sekeping gambar bersaiz pasport. Sila nyatakan gaji terkini dan gaji yang dipohon.
2. Hanya permohonan yang lengkap akan diterima.
3. Permohonan yang berikut akan ditolak :
  - i. Tidak lengkap atau tidak terang.
  - ii. Salinan dokumen-dokumen yang diperlukan tidak disahkan oleh Pegawai yang berkelayakan.
  - iii. Tidak memenuhi syarat-syarat kelayakan yang dikehendaki.
  - iv. Tidak disertakan gambar berukuran pasport atau salinan dokumen yang diperlukan.
  - v. Tidak ditandatangani.

### **Permohonan Dikemukakan Kepada:**

**PENGURUS BESAR  
JABATAN KHIDMAT PENGURUSAN  
ZAKAT PULAU PINANG  
Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang  
No.4, Jalan Perda Selatan, Bandar Perda  
14000 Bukit Mertajam, Pulau Pinang**

Semua permohonan adalah sulit dan hanya calon-calon yang disenarai pendek sahaja akan dipanggil temuduga. Permohonan mestilah sampai kepada pihak kami sebelum atau pada **14hb Februari 2020 (Jumaat)**.